

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J02.01/10.12/2 Jld. 3 (21)

6 Ogos 2023
19 Muharram 1445

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 36/2023

BANTUAN KHAS PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM DAN PESARA KERAJAAN TAHUN 2023

Adalah dimaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri melalui Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat telah mengumumkan Bantuan Khas Penghargaan (BKP) Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 sebanyak RM300.00 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai/ kakitangan lantikan kontrak. BKP ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan termasuk pesara berpencen, penerima pencen terbitan, pesara Skim KWSP, pesara bersara pilihan dan belum menerima pencen, veteran berpencen serta veteran tidak berpencen sebanyak RM200.00 melalui Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (JPA.800-3/2/4 (33)) bertarikh 1 Ogos 2023 mengenai Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023.

2. Berdasarkan pekeliling tersebut, Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 127 bertarikh 3 Ogos 2023 bersetuju supaya BKP ini dibayar kepada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) gred 56 dan ke bawah bagi lantikan tetap, sementara, *Contract of Service* dan *Contract for Service* yang masih berkhidmat pada 10 Ogos 2023 sebanyak RM300.00.

3. Pemberian BKP ini turut dipanjangkan kepada staf kontrak lantikan tabung/ geran dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) tertakluk kepada peruntukan Jabatan masing-masing. PSH yang layak adalah mereka yang masih berkhidmat pada 10 Ogos 2023 dan telah dilantik sebelum 10 Ogos 2023 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuatkuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut

4. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* di UTM juga layak dibayar Bantuan Khas Penghargaan (BKP) sebanyak RM300.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM200.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM100.00 akan dibayar oleh UTM.

5. Sehubungan itu, Bantuan Khas Penghargaan (BKP) Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini akan dibayar pada 10 Ogos 2023.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah (Kampus UTM Pagoh)
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

NAI/GA/saah